

Dr M: Selepas 'Avatar', 9/11 mungkin sandiwara
Malaysiakini.com
Jan 20, 2010

Selepas pembikinan filem blockbuster fiksyen sains 'Avatar', mantan perdana menteri, Dr Mahathir Mohamad sangsi berhubung serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia pada 2001.

"Saya kini tidak pasti sama ada pengganas Islam yang melancarkan serangan itu. "Ada bukti kukuh yang serangan itu dirancang. Jika mereka mampu menghasilkan 'Avatar', maka mereka boleh membuat apa sahaja.

"Membunuh orang yang tidak berdosa sebagai alasan untuk berperang bukan sesuatu yang baru kepada Amerika," kata Mahathir dalam ucapannya ketika sidang untuk meluahkan sokongan kepada Al-Quds di Kuala Lumpur.

Pertubuhan Al-Quds adalah kumpulan pendesak terbaru yang ditubuhkan bagi menuntut tanah warisan rakyat Palestin yang dicerobohi oleh kaum Yahudi dikembalikan.

Pada ucapannya itu, Mahathir juga menyentuh mengenai perspektif sejarah dengan menekankan bahawa Britain bertanggungjawab mewujudkan negara Israel daripada bumi Palestin.

"Yahudi sentiasa menjadi masalah. Walaupun pernah dipulaukan dan dibunuh secara beramai-ramai, mereka masih kekal, berkembang, malah kini menjadi ancaman kepada kerajaan.

"Selepas disembelih oleh tentera Nazi dari Jerman, mereka kekal dan terus menjadi punca kepada masalah dunia. Penyembelihan beramai-ramai itu gagal sebagai penyelesaian," katanya.

Justeru, tambah Mahathir, pembentukan sebuah negara bagi Yahudi dilihat sebagai penyelesaian yang lebih baik.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/122362>